

Siaran Akhbar

Pernec PayPoint bangun helo spot wifi , sumbang netbook di Jelebu

JELEBU, 24 Julai -- Pernec Corporation Bhd, melalui anak syarikatnya, Pernec PayPoint Sdn Bhd, membuka lembaran pengalaman teknologi digital baru kepada penduduk Kampung Teriang , Jelebu, Negeri Sembilan dengan penyumbangan 30 unit komputer netbook helo net dan pembangunan akses internet jalur lebar tanpa wayar melalui platform helo spot di kawasan berkenaan.

Projek pengembangan teknologi ini di jalankan bersama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim dan di saksikan oleh Yang Di Pertua Dewan Undang Negeri Datuk Razak Mansur serta Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Datuk Siew Chin Pin dan Datuk Yunus Rahmat hari ini.

Turut menghadiri majlis penyerahan netbook dan pelancaran internet jalur lebar ini ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Bahagian Sungai Lui Datuk Zainal Abidin, Timbalan Ketua Setiausaha KPKK Datuk Dr Mohd Ali Mohd Nor, Pegawai Daerah Jelebu Zulkifli Baharom dan Pengerusi SKMM Tan Sri Khalid Ramli.

Di dalam ucapannya di majlis penyerahan komputer helo net dan pelancaran servis internet jalur lebar tanpa wayar helo spot di kampung itu hari ini, Pengarah Urusan Pernec Abdul Karim Abdul Sallam berkata, sebagai sebuah syarikat pelaburan kerajaan (GIC) yang bernaung di bawah kumpulan syarikat Permodalan Nasional Bhd, syarikat itu berbesar hati untuk menyumbangkan khidmat menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kadar penembusan internet khususnya di kalangan penduduk luar bandar.

Program perkhidmatan WiFi dengan menggunakan platform helo spot di Kampung Teriang merupakan program yang ke lima seumpamanya yang telah dijayakan oleh Pernec PayPoint. Sebelum ini, syarikat tersebut telah pun membangunkan khidmat ini di Kampung Gita di Kuching dan Kampung Bahagia Jaya, Sibul, Sarawak, di Pagoh, Johor dan juga Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

“Pernec PayPoint, sebagai satu-satunya peneraju khidmat internet jalur lebar tanpa wayar melalui telefon awam (WiBOP) di negara ini, mempunyai infrastruktur yang meluas untuk

Untuk Siaran pada 24^{hb} Julai 2010

menyokong usaha ini melalui lebih 35,000 telefon awam di seluruh negara,” kata Abdul Karim.

Dari jumlah tersebut, lebih 15,000 lokasi telefon awam ini terletak di kawasan luar bandar seperti Kampung Teriang. Setiap satu lokasi ini berpotensi untuk di jadikan sebagai platform helo spot.

Dengan adanya 15,000 lokasi ini, Abdul Karim berharap SKMM akan dapat memanfaatkan kemudahan kepunyaan Pernecc PayPoint yang telah tersedia ini untuk meningkatkan lagi kadar penembusan internet jalur lebar di kawasan pedalaman.

Pelancaran perkhidmatan internet WiFi dan sumbangan netbook komputer ini adalah tanda sokongan pihak Pernecc mendokong usaha pihak kerajaan untuk menggabungkan projek ICT dan jalur lebar di bawah strategi daerah digital, sejajar dengan agenda nasional iaitu 1Malaysia.

Mengikut Pelan Jalur Lebar Kebangsaan, projek daerah digital adalah komponen penting yang akan membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai sasaran penembusan jalur lebar pada kadar 50% menjelang penghujung tahun ini.

Statistik terkini yang dikeluarkan oleh SKMM menunjukkan pada suku keempat 2009, terdapat 2.6 juta langganan internet jalur lebar di seluruh negara, meliputi 31.7% dari jumlah keseluruhan isi rumah.

Sementara itu, netbook helo net adalah merupakan produk digital terbaru keluaran Pernecc yang kini semakin aktif meneroka pasaran pengguna industri telekomunikasi dan teknologi maklumat. Dengan harga sasaran di bawah RM1,000, Abdul Karim yakin helo net akan mendapat sambutan hangat dari kalangan pengguna, khususnya para pelajar.

Walaupun dari segi saiz, ianya adalah kompak dan ringan, helo net dilengkapi dengan perisian terkini termasuk kebolehan untuk mengakses internet tanpa wayar (wireless fidelity) dan bakal menjadi menjadi perantaraan komunikasi yang efektif untuk para pemiliknya.

Kemudahan internet WiFi helo spot yang dibangunkan bersebelahan perpustakaan desa di Kampung Teriang akan memberi akses internet jalur lebar secara percuma kepada penduduk yang mendiami sekitar 300 meter dari kawasan tersebut.

Di majlis pelancaran ini, Datuk Seri Utama Dr Rais telah membuat satu sesi sidang video dengan ketua kampung yang berdekatan dalam satu demonstrasi keboleh capaian servis internet yang telah dibangunkan.

Dengan adanya perkhidmatan internet jalur lebar ini, Abdul Karim berkata, para penduduk Kampung Teriang dan kampung-kampung yang berdekatan akan dapat menikmati capaian maklumat yang cepat dan seterusnya merapatkan lagi jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Maklumat Tentang Pernec Corporation Bhd

Pernec Corporation Bhd ditubuhkan pada tahun 1973 dan adalah satu syarikat usahasama di antara Amanah Raya Bhd (Skim Amanah Saham Bumiputera), Permodalan Nasional Bhd dan NEC Corporation dari Jepun. Di dalam syarikat ini, terdapat tujuh subsidiari yang terlibat di dalam bidang yang berbeza di dalam sector komunikasi dan teknologi maklumat seperti infrastruktur telekomunikasi, perusahaan dan perkhidmatan, infrastruktur dan solusi teknologi maklumat, solusi kewangan Islam dan operasi telefon awam.

Semenjak penubuhannya, Pernec telah mencatatkan peningkatan operasi yang memberangsangkan dan hari ini dikenali sebagai salah satu syarikat yang terkemuka di dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi, dan telah member berbagai solusi dan produk untuk pelanggan yang meliputi berbagai bidang di dalam dan luar Negara.

Bersesuaian dengan strategi perniagaan yang diperbaharui, kumpulan ini telah mengenal pasti beberapa inisiatif baru seperti system eRas, teknologi hijau dan juga portal perniagaan Halalsquare dan eBekal yang berpotensi untuk melebarkan lagi lajuran pendapatannya di dalam usaha untuk mengekalkan reputasi sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing di dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompetitif.